



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)

Bilangan 02 Tahun 2021

DASAR PEMBERIAN BANTUAN MAKANAN DAN PENGECUALIAN YURAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI PELAJAR YANG TERLIBAT DENGAN PERINTAH KUARANTIN DAN ISOLASI YANG DITETAPKAN UiTM SEMASA PANDEMIK COVID-19

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkenaan pelaksanaan dasar pemberian bantuan makanan dan pengecualian yuran kolej kediaman bagi pelajar yang terlibat dengan perintah kuarantin dan isolasi yang ditetapkan oleh UiTM semasa pandemik COVID-19.

LATAR BELAKANG

2. Pihak Universiti melalui Pekeliling Akademik Bilangan 23 Tahun 2020 bertarikh 30 November 2020 telah meminda kalendar akademik bagi menyesuaikan proses pengajaran dan pembelajaran dengan keadaan semasa pandemik COVID-19. Pindaan tersebut salah satunya melibatkan keperluan pelajar-pelajar untuk hadir ke kampus bagi melengkapkan pengajian semester akhir mereka sebelum menamatkan pengajian (pelajar kategori 2b).

3. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/2021 bertarikh 13 Januari 2021 telah menetapkan kaedah pengurusan kes COVID-19 pada tahun 2021 bagi kes positif COVID-19 dan pengurusan kluster COVID-19 dan kontak rapat.

4. Bagi menguruskan kes berkaitan COVID-19 di kampus, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 1/2021 bertarikh 6 Januari 2021 telah meluluskan penetapan dasar pemberian bantuan makanan dan pengecualian yuran kolej kediaman bagi pelajar yang terlibat dengan perintah kuarantin dan isolasi yang ditetapkan oleh UiTM semasa pandemik COVID-19.

PELAKSANAAN

5. Ketetapan yang telah dibuat oleh pihak Universiti adalah seperti berikut:
 - 5.1 Penempatan kuarantin sementara disediakan kepada pelajar-pelajar yang mendapat jangkitan positif COVID-19 semasa di dalam kampus. Mereka akan menjalani kuarantin di lokasi berkenaan sehingga dibawa ke hospital oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sepanjang tempoh kuarantin, pelajar tidak akan dikenakan yuran kolej kediaman serta bekalan makanan bermasak akan ditanggung oleh pihak Universiti.
 - 5.2 Penempatan isolasi sementara selama 10 hari kepada pelajar-pelajar yang dikenalpasti sebagai kontak rapat kepada mana-mana individu yang positif COVID-19 semasa di dalam kampus. Mereka akan diisolasi di penempatan yang disediakan sehingga tamat tempoh isolasi yang ditetapkan. Sepanjang tempoh isolasi, pelajar tidak akan dikenakan yuran kolej kediaman serta bekalan makanan bermasak akan ditanggung oleh pihak Universiti.
 - 5.3 Penempatan isolasi sementara selama 10 hari disediakan kepada pelajar-pelajar dalam klasifikasi berkeperluan khas yang hadir dari zon merah dan telah menjalani ujian saringan COVID-19 secara sukarela atas pembiayaan sendiri. Mereka hanya akan dibenarkan menginap di kolej kediaman sekiranya keputusan ujian saringan COVID-19 negatif. Mereka akan diisolasi di penempatan yang disediakan sehingga tamat tempoh isolasi yang ditetapkan. Sepanjang tempoh isolasi, pelajar tidak akan dikenakan yuran kolej kediaman, namun bekalan makanan bermasak tidak akan dibiayai oleh pihak Universiti. Pelajar akan membayar secara terus kepada pembekal melalui kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh pembekal.
 - 5.4 Pelajar non-residen di UiTM Cawangan Selangor yang telah membuat komitmen bayaran rumah sewa tetapi diwajibkan tinggal di dalam kampus sehingga selesai kuliah bersemuka (kuliah 2b) adalah tidak dikenakan yuran kolej kediaman. Sepanjang tempoh isolasi, bekalan makanan bermasak akan ditanggung oleh pihak Universiti.
6. Peruntukkan sebanyak RM 12.00 seorang (RM 3.00 untuk sarapan pagi, RM 4.50 untuk makan tengah hari dan RM 4.50 untuk makan malam) disediakan oleh pihak Universiti bagi pelajar-pelajar yang ditanggung bekalan makanan bermasak sepanjang tempoh kuarantin/isolasi.

7. Pihak Universiti tidak akan menanggung kos untuk menjalani saringan COVID-19 mengikut keperluan yang ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa bagi pelajar yang kembali ke kampus sama ada sebelum atau semasa menginap di kolej kediaman.

8. Sebarang kelulusan dan pindaan mengenai perkara ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak Universiti dari semasa ke semasa.

TARIKH DIKELUARKAN

9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 25 Januari 2021.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 25 Januari 2021.

PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua pelajar UiTM sepenuh masa merangkumi pelajar siswazah dan pasca siswazah yang menginap di kolej kediaman atau non-residen yang menepati kriteria yang ditetapkan di perenggan 5.



PROF. DR. AZIZAN ABDULLAH
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Dikelilingkan Kepada:

Rektor Kampus Cawangan
Dekan Fakulti
Pengarah Pembangunan Pelajar
Pengarah, Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf
Timbalan Pendaftar Kanan (HEP)
Ketua Unit Kemudahan Kolej
Pengetua Kolej Kediaman
Ketua Bahagian/Pusat/Unit HEP
Pengurus Asrama Kolej Kediaman
YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
YDP Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(UKK 6/5)
No Siri : 100-HEP(PT.6/5) Bil. 2/2021

**DASAR PEMBERIAN BANTUAN MAKANAN DAN PENGECUALIAN YURAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI
PELAJAR YANG TERLIBAT DENGAN PERINTAH KUARANTIN DAN ISOLASI YANG DITETAPKAN
UITM SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Kategori	Perincian	Penempatan Kuarantin / Isolasi Sementara	Yuran Kolej Kediaman Semasa Tempoh Kuarantin / Isolasi	Yuran Kolej Kediaman Selepas Tempoh Kuarantin / Isolasi	Bekalan Makanan Bermasak Semasa Tempoh Kuarantin / Isolasi	Tempoh Kuarantin / Isolasi
5.1	Pelajar yang mendapat jangkitan positif COVID-19 semasa di dalam kampus	Disediakan	Tidak dikenakan	Dikenakan	Ditanggung	Sehingga dibawa ke hospital oleh KKM
5.2	Pelajar yang dikenalpasti sebagai kontak rapat kepada mana-mana individu yang positif COVID-19 semasa di dalam kampus	Disediakan	Tidak dikenakan	Dikenakan	Ditanggung	10 hari
5.3	Pelajar dalam klasifikasi berkeperluan khas yang hadir dari zon merah dan telah menjalani ujian saringan COVID-19 secara sukarela atas pembiayaan sendiri	Disediakan	Tidak dikenakan	Dikenakan	Tidak Ditanggung (pembayaran secara terus kepada pembekal)	10 hari
5.4	Pelajar non-residen di UiTM Cawangan Selangor yang telah membuat komitmen bayaran rumah sewa tetapi diwajibkan tinggal di dalam kampus sehingga selesai kuliah bersemuka (kuliah 2b)	Disediakan	Tidak dikenakan	Tidak dikenakan	Ditanggung	10 hari

Nota:

- Peruntukkan sebanyak RM 12.00 seorang (RM 3.00 untuk sarapan pagi, RM 4.50 untuk makan tengah hari dan RM 4.50 untuk makan malam) disediakan oleh pihak Universiti bagi pelajar-pelajar yang ditanggung bekalan makanan bermasak sepanjang tempoh kuarantin/isolasi.
- Pihak Universiti tidak akan menanggung kos untuk menjalani saringan COVID-19 mengikut keperluan yang ditetapkan oleh mana-mana pihak berkuasa bagi pelajar yang kembali ke kampus sama ada sebelum atau semasa menginap di kolej kediaman.